

QBE Travel Protector X Insurans Perjalanan

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk memohon insurans **QBE Travel Protector X** ini. Sila juga pastikan bahawa anda telah membaca terma dan syarat am polisi ini.)

1. Apakah produk ini?

Polisi ini menawarkan ganti rugi sekiranya berlaku kejadian yang tidak diingini dan kejadian yang dilindungi semasa dalam perjalanan anda dalam Tempoh Insurans.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Manfaat Utamanya adalah:

- Seksyen 1 – Bayaran sekaligus untuk Kematian & Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan.
- Seksyen 2 – Perbelanjaan Perubatan
 - Perbelanjaan Perubatan
 - Perbelanjaan Perubatan Rawatan Susulan di Malaysia akibat Kecederaan *
 - Rawatan Alternatif *
 - Elaun Hospital Harian Luar Negara
 - Lawatan Ihsan *
 - Perlindungan Anak *
- Seksyen 3 – Bantuan Kecemasan Seluruh Dunia
- Seksyen 4 – Pembatalan, Penangguhan, atau Pemendekan Perjalanan
- Seksyen 5 – Penundaan, Pelancongan Perjalanan
- Seksyen 6 – Terlepas Penyambungan Perjalanan *
- Seksyen 7 – Penempahan Penerbangan Berlebihan *
- Seksyen 8 – Kehilangan atau Kerosakan Bagasi atau Barangan Peribadi
- Seksyen 9 – Kelewatan Bagasi
- Seksyen 10 – Kehilangan Dokumen Perjalanan dan Wang Peribadi *
- Seksyen 11 – Kesulitan Rampasan *
- Seksyen 12 – Liabiliti Diri
- Seksyen 13 – Kehilangan Penggunaan Hotel akibat Mogok *
- Seksyen 14 – Perlindungan Rumah
- Seksyen 15 – Insolvensi Ejen Pelancongan *
- Seksyen 16 – Sewa Kereta Berlebihan / Deduktibel *
- Seksyen 17 – Perlindungan Aktiviti Pelancong *
- Seksyen 18 – Perlindungan Keganasan
- Seksyen 19 – Lanjutan Perlindungan Perjalanan COVID-19 *

*Untuk perjalanan luar negara sahaja.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pelan, destinasi, tempoh perlindungan yang anda pilih dan keperluan penejaminan kami. Sila rujuk boring cadangan untuk premium tepat yang dikenakan.

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis

- Komisen yang dibayar kepada ejen insurans
- Duti setem
- *Cukai Perkhidmatan

Amount

- Sehingga 25% daripada premium yang dikenakan
- RM10
- 8% (untuk perjalanan dalam negara sahaja)

**QBE Insurance (Malaysia) Berhad memelihara hak untuk menyesuaikan kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas premium polisi mengikut sebarang perubahan kepada undang-undang dan garis panduan cukai perkhidmatan. Sebarang modifikasi akan dilaksanakan mengikut perubahan rangka kerja undang-undang yang sedia ada dari semasa ke semasa.*

5. Apakah kepentingan pendedahan ini?

• Kontrak Insurans Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan deklarasi (sama ada secara lisan atau bertulis) oleh Anda pada atau sebelum kontrak ini dikeluarkan. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, hanya remedi yang diperuntukkan di dalam Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan digunapakai.

Polisi ini menggunakan terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui di antara Anda dan Kami.

• Kontrak Insurans Bukan Pengguna

Polisi ini dikeluarkan berdasarkan pembayaran premium seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Polisi dan berdasarkan deklarasi (sama ada secara lisan atau bertulis) oleh Anda pada atau sebelum kontrak ini dikeluarkan. Jawapan dan segala pendedahan yang diberikan oleh Anda akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans di antara Anda dan Kami. Sekiranya terdapat sebarang salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan Anda atau mana-mana pendedahan yang Anda berikan, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, penolakan atau pengurangan tuntutan Anda, serta perubahan terma atau penamatan kontrak insurans Anda.

6. Apakah terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

➤ Prosedur Tuntutan

Notis serta-merta hendaklah diberikan kepada Syarikat dalam masa tiga puluh (30) hari dari sebarang kejadian yang mungkin timbul tuntutan di bawah Polisi ini dengan memberi kenyataan terperinci secara bertulis kepada kami.

➤ Premium perlu dibayar sebelum bermulanya perlindungan

➤ Had umur

• Seluruh Dunia/ Asia Pasifik –

Lawatan Pergi Balik : 30 hari sehingga 80 tahun

Lawatan Tunggal : 2 sehingga 80 tahun

Pelan Tahunan: 30 hari sehingga 70 tahun, dengan pembaharuan polisi sehingga umur 80 tahun.

• Domestik –

Lawatan Pergi Balik : 30 hari sehingga 80 tahun

7. Prosedur Pembaharuan

Hanya ditawarkan untuk Pelan Tahunan dan tertakluk kepada persetujuan kami.

8. **Apakah pengecualian penting di dalam polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi kematian atau kecederaan yang disebabkan oleh kejadian berikut:

- Peperangan, pencerobohan, tindakan musuh-musuh asing, permusuhan atau operasi perang, perang saudara, dahagi, kekecohan.
- Kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri.
- Melahirkan anak, kehamilan atau keguguran.
- Intoksikasi oleh alkohol, narkotik atau ubat yang tidak dipreskripsi oleh pengamal perubatan yang sah dan berdaftar, dan rawatan berkaitan penagihan dadah atau alkohol.
- Penyakit atau gangguan emosi, saraf atau mental, penyakit psikiatri, penyakit yang dijangkitkan secara seksual (STD), Jangkitan HIV dan jangkitan berkaitan AIDS, anomali atau kecacatan kongenital.
- Orang yang Diinsuranskan terlibat dalam kerja buruh yang tidak semestinya bersifat berbahaya tetapi melibatkan penggunaan alat atau mesin (termasuk mesin kerja kayu) dalam Tempoh Insurans.
- Aktiviti luar pesisir seperti menyelam bukan rekreasi, pelantar minyak, perlombongan, fotografi udara atau pengendalian bahan letupan.
- Orang yang Diinsuranskan yang merupakan ahli tentera, polis atau bomba dan semasa dalam Perjalanan perlu bertindak sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang, kakitangan kecemasan perkhidmatan perubatan atau kebakaran atau kakitangan tentera, sama ada berkhidmat sepenuh masa atau sebagai sukarela.
- Apa-apa keadaan yang diinsuranskan dengan lebih khusus atau sebarang tuntutan yang hanya dengan kewujudan polisi ini boleh diperolehi semula di bawah mana-mana polisi, dana atau skim insurans swasta atau Kerajaan lain.
- Penggunaan, kewujudan atau melepaskan bahan senjata nuklear atau radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti dari mana-mana bahan api nuklear atau sisa nuklear dari gabungan bahan api nuklear.
- Apa-apa perbuatan haram atau menyalahi undang-undang atau cuba melakukan tindakan haram atau menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan atau rampasan, penahanan, kemusnahan oleh kastam atau pihak berkuasa lain.
- Sebarang pelanggaran peraturan kerajaan atau apa-apa kegagalan oleh Orang yang Diinsuranskan untuk bertanggungjawab mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tuntutan di bawah Polisi berikutan sebarang amaran mogok, rusuhan dan kekecohan awam melalui atau oleh media massa am.
- Apa-apa Kerugian atau Perbelanjaan yang disebabkan oleh Orang Yang Diinsuranskan sebagai akibat melakukan sebarang Perjalanan bertentangan dengan nasihat Pengamal Perubatan atau untuk mendapatkan rawatan perubatan.
- Apa-apa Penyakit Sedia Ada atau kongenital.
- Orang Yang Diinsuranskan melibatkan diri atau mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti di bawah: Sukan Ekstrem dan Aktiviti Sukan; Mana-mana sukan profesional; Perlumbaan; Ekspidisi; Lawatan perburuan persendirian; Ski off-piste; Rakit redah rejam persendirian gred 4 atau ke atas; Lumba layar laut atau kembara dalam gua (potholing); Sukan dalam air yang memerlukan penggunaan alat pernafasan tiruan; Bermotosikal; Mendaki gunung atau Berjalan trek melebihi 3,000 meter; Mendaki tembok atau turun cenuram di luar; Apa-apa tindakan jenayah/menyalahi undang-undang.
- Sebarang jenis kerugian turutan.
- Apa-apa perjalanan yang diambil oleh Orang yang Diinsuranskan atau perjalanan di dalam Malaysia di bawah Polisi Domestik atau Polisi Pelan Tahunan, tanpa mengambil kira sama ada perjalanan itu adalah untuk perniagaan atau untuk santai, melainkan jika diendors secara khusus dalam Polisi ini. Perlindungan bagi sebarang perjalanan di Malaysia hanya sah jika perjalanan di dalam Malaysia, adalah bersampingan untuk perjalanan ke atau dari destinasi luar negara.
- Sekatan Had dan Klausa Pengecualian.
- Pengecualian penyakit berjangkit atau Yang Menular semasa PHEIC.

Nota:

Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk contoh kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.

9. **Bolehkah saya membatalkan polisi saya?**

- Lawatan Pergi Balik / Tunggal:
 - Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada kami. Namun, premium tidak akan dipulangkan sekiranya polisi telah dikeluarkan.
- Pelan Tahunan:
 - Pemegang Polisi boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis kepada kami dengan syarat tiada tuntutan timbul dam Tempoh Insurans semasa. Sekiranya berlaku pembatalan, faedah kadar pendek bayaran balik akan dikenakan (sila rujuk dasar polisi)

10. **Dimanakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans kemalangan diri, sila hubungi kami di:

Company Name : **QBE Insurance (Malaysia) Berhad**
Address : No.638 Level 6, Block B1, Leisure Commerce
Square, No. 9 Jalan PJS 8/9, 46150 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03 7861 8400
Fax : 03 7873 7430
Email : info.mal@qbe.com

11. **Perlindungan Kemalangan Diri lain yang juga disediakan adalah:**

- QBE FLEXI Cover
- QBE PA Protector

NOTA PENTING:

Anda dinasihatkan untuk memberi perhatian kepada skala manfaat bagi kematian dan hilang upaya dalam polisi insurans anda. Anda mesti menamakan penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi kemalangan diri yang anda beli. Anda perlu membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan ejen atau terus menghubungi syarikat insurans untuk maklumat lanjut.

Maklumat yang terdapat di dalam risalah pendedahan ini diterbitkan pada 01/04/2025 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi QBE Insurance (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).